

22 JUN 2018

Enam tokan dadah ditahan di Wangsa Maju

Enam tokan dadah ditahan di Wangsa Maju

KUALA LUMPUR 21 Jun – Enam lelaki yang didakwa tokan dadah sekitar pusat bandar ditahan di dua lokasi berasingan di Wangsa Maju di sini, sejak Isnin lalu.

Ketua Polis Daerah Wangsa Maju, Superintenden Mohamad Roy Suahaimi Sarif (**gambar**) berkata, kesemua suspek berusia 31 hingga 44 tahun itu ditahan di Jalan Jaya 2 dan Jalan Jaya 4 di Kampung Setia Jaya, Wangsa Maju.

Menurutnya, tangkapan itu dilakukan Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Wangsa Maju dan difahamkan tangkapan kedua dilakukan pada pukul 3.40 petang semalam.

“Hasil pemeriksaan terhadap lelaki yang ditahan semalam itu turut menemukan satu paket dadah jenis methamphetamine.

“Hasil siasatan dan maklumat diperoleh daripada seorang suspek awal pada Isnin lalu mem-

bawa kepada serbuan seterusnya di sebuah rumah di Jalan Jaya 4 semalam,” katanya di sini.

Mohamad Roy memberitahu, pihaknya menahan lima lelaki di sebuah rumah dalam serbuan kedua itu.

Katanya, hasil serbuan kedua dan pemeriksaan lanjut turut menemukan sembilan paket heroin dan satu paket methamphetamine.

“Dalam serbuan itu semua dadah tersebut bernilai RM3,400 dirampas termasuk beg, alat timbang digital, gunting, tiub straw dan sejumlah wang tunai.

“Suspek dipercayai mendapat bekalan dadah daripada seorang lelaki tempatan di Taman Da-gang, Ampang,” ujarnya.

Katanya, hasil ujian saringan awal air kencing terhadap kesemua suspek mendapati positif dadah jenis morfin dan



Dalam serbuan itu semua dadah tersebut bernilai RM3,400 dirampas termasuk beg, alat timbang digital, gunting, tiub straw dan sejumlah wang tunai.”

MOHAMAD ROY SUAHIMI SARIF
Ketua Polis Daerah Wangsa Maju

mempiliki rekod jenayah lampau berkaitan dadah serta kesalahan jenayah.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 39B, Seksyen 12 (2) dan Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952,” jelasnya.

UPMHOLDI
UPM HOLDINGS SDN BHD (65)